
Sang Kancil
dan
Burung Tua
yang Bijaksana



Pada suatu hari yang cerah, Sang Kancil berjalan perlahan-lahan di dalam hutan untuk mencari makanan. Perut Sang Kancil berasa sangat lapar kerana dia tidak menemukan apa-apa makanan sejak pagi tadi. Burung-burung berkicau dengan riangnya, namun Sang Kancil hanya memikirkan makanan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ketika berjalan untuk mencari makanan, tiba-tiba, Sang Kancil terhidu bau buah yang sangat harum. "Wah, mesti ada pokok buah yang berhampiran!" kata Sang Kancil dengan gembiranya.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tanpa membuang masa, Sang Kancil segera mengikuti bau tersebut sehingga menemukan sebatang pokok yang sangat besar. Pokok itu dipenuhi dengan buah yang masak ranum dan kelihatan sangat sedap.

Namun begitu, terdapat Burung Tua yang sedang bertenggek di bawah pokok itu.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Burung Tua berkata, "Pokok ini milik semua haiwan di hutan. Kamu boleh makan buahnya, tetapi ambillah sekadar perlu sahaja."

Sang Kancil mengangguk tanda faham.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Pada mulanya, Sang Kancil hanya mengambil beberapa biji buah dan memakannya dengan penuh bersyukur. "Sedapnya buah ini," kata Sang Kancil sambil tersenyum.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Namun, apabila melihat buah yang masih banyak di pokok, hatinya mula berubah. "Kalau aku ambil lebih, aku boleh simpan untuk esok," bisik Sang Kancil perlahan.



Tanpa berfikir panjang, Sang Kancil mula mengumpulkan buah-buah itu dan menyembunyikannya di bawah semak.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.




Tiba-tiba, angin kuat bertiup. Buah-buah yang disembunyikan oleh Sang Kancil bergolek keluar dari tempat persembunyian.

Burung Tua ternampak perbuatan Sang Kancil lalu berkata, "Mengapakah kamu bersikap tamak? Kamu telah melanggar amanah."

Sang Kancil terdiam. Dia berasa malu kerana perbuatannya telah diketahui oleh Burung Tua.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



Dengan wajah yang sedih, Sang Kancil berkata, "Maafkan saya. Saya tidak sepatutnya bersikap tamak."

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



Burung Tua menjawab, "Setiap makhluk harus bersikap jujur dan amanah. Jika kamu tamak, kamu akan kehilangan kepercayaan daripada orang lain."

Sang Kancil mengangguk perlahan dan berjanji untuk berubah.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Sejak hari itu, Si Kancil menjadi lebih baik. Dia hanya mengambil sesuatu setakat yang diperlukan dan sentiasa berkongsi dengan haiwan-haiwan lain.

Haiwan-haiwan di hutan mula mempercayai Si Kancil semula. Si Kancil berasa gembira kerana telah belajar satu pengajaran yang penting.

Pengajaran – Kita hendaklah bersikap amanah, jujur, dan tidak tamak.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Padankan soalan dengan jawapan yang betul.

Mengapakah Sang Kancil berjalan di dalam hutan?	Ambil buah sekadar perlu sahaja.
Apakah yang ditemui oleh Sang Kancil selepas menghidu bau harum?	Sang Kancil ingin mencari makanan.
Apakah pesanan Burung Tua kepada Sang Kancil?	Buah itu bergolek keluar dari tempat persembunyian akibat angin yang kuat.
Mengapakah Sang Kancil mula bersikap tamak?	Sang Kancil menemui sebatang pokok yang sangat besar.
Apakah yang berlaku kepada buah yang disembunyikan oleh Sang Kancil?	Kita hendaklah bersikap amanah dan tidak tamak.
Apakah pengajaran utama daripada cerita ini?	Sang Kancil ingin menyimpan buah untuk esok.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tulis jawapan yang betul berdasarkan cerita di atas.

1. Mengapakah tindakan Sang Kancil menyembunyikan buah dianggap melanggar amanah? Jelaskan jawapan kamu dengan memberikan alasan yang sesuai.

2. Pada pendapat kamu, adakah Burung Tua bertindak dengan betulnya apabila menegur Sang Kancil? Berikan justifikasi berdasarkan situasi dalam cerita.

KBAT – Menilai

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

3. Jika kamu berada di tempat Sang Kancil, apakah tindakan yang akan kamu lakukan selepas melihat buah yang banyak? Mengapa?

KBAT – Mengaplikasi

4. Cipta satu pengakhiran cerita yang berbeza sekiranya Sang Kancil tidak meminta maaf daripada Burung Tua.

KBAT – Mencipta

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

1. Kerusi Panas

Cadangan soalan:


(i) Mengapakah kamu bersikap tamak?

(ii) Apakah yang kamu pelajari?

(iii) Apakah perasaan kamu?

2. Peta I-Think

Apakah nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat tersebut?



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.


ARNAB DAN
KURA-KURA
YANG BIJAK
PENAMAT
zZ



Pada suatu hari, Arnab yang pantas berlari sering bermegah di dalam hutan. Dia selalu berkata, "Tiada seiapa yang boleh mengalahkan aku!"

Selepas mendengar kata-kata Arnab, haiwan-haiwan lain berasa kurang senang dengan sikapnya.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Kura-kura bersikap tenang dan sabar mendengar kata-kata Arnab. Dia berkata, "Kita semua ada kelebihan masing-masing. Jangan sombong." Arnab ketawa dan mencabar Kura-kura berlumba.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Perlumbaan itu pun bermula. Arnab berlari dengan lajunya dan meninggalkan Kura-kura jauh di belakang. Menyedari dirinya jauh berada hadapan, Arnab berhenti untuk berehat di bawah sebatang pokok. Dia amat yakin akan memenangi perlumbaan itu.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Selepas beberapa minit berehat, Arnab akhirnya tertidur. Sementara itu, Kura-kura terus berjalan dengan perlahannya tetapi tidak berhenti. Kura-kura fokus menuju ke garisan penamat.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Apabila Arnab terjaga, Arnab terkejut apabila melihat Kura-kura hampir sampai di garisan penamat. Arnab berlari dengan sekuat hati tetapi sudah terlambat kerana Kura-kura sudah sampai di garisan penamat.



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



Akhirnya, Kura-kura memenangi perlumbaan itu. Arnab berasa malu dan insaf. Dia meminta maaf kerana bersikap sombong. Sejak itu, Arnab belajar untuk bersikap merendah diri.

Pengajaran – Kita tidak boleh sombong dan perlu berusaha dengan tekunnya.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Bulatkan jawapan yang betul.

1. Apakah sikap Arnab pada permulaan cerita?

   A Rajin

   B Pemalu

   C Penakut

   D Sombong

2. Apakah yang dikatakan oleh Kura-kura kepada Arnab?

   A Kita semua ada kelebihan masing-masing.

   B Kita perlu makan dahulu.

   C Kita perlu berlumba.

   D Kita perlu berehat.

3. Apakah yang dilakukan oleh Arnab semasa perlumbaan?

   A Berjalan perlahan

   B Berhenti dan berehat

   C Menolong Kura-kura

   D Berpatah balik

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

4. Mengapakah Arnab kalah dalam perlumbaan?

A Dia cedera

B Dia tersesat

C Dia tertidur

D Dia tidak tahu jalan

5. Apakah sikap Kura-kura semasa perlumbaan?

A Sabar dan tekun

B Gopoh

C Malas

D Takut

6. Apakah pengajaran utama daripada cerita ini?

A Kita perlu tidur semasa penat.

B Kita perlu berlumba pada setiap hari.

C Kita mesti menang dalam semua perkara.

D Kita tidak boleh sombong dan perlu berusaha.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Tulis jawapan yang betul berdasarkan cerita di atas.

1. Mengapakah sikap sombong Arnab menyumbang kekalahannya dalam perlumbaan? Jelaskan dengan menyatakan contoh yang terdapat dalam cerita.

KBAT – Menganalisis

2. Pada pendapat kamu, siapakah yang lebih bijak antara Arnab dengan Kura-kura? Berikan alasan yang kukuh.

KBAT – Menilai

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

3. Jika kamu menjadi Arnab, apakah tindakan yang akan kamu lakukan semasa perlumbaan supaya tidak kalah? Jelaskan.

KBAT – Mengaplikasi

4. Cipta satu situasi lain yang menunjukkan sikap sabar dan tekun seperti Kura-kura dalam kehidupan seharian.

KBAT – Mencipta

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

1. Fikir – Pasang – Kongsi

Cadangan soalan:

(i) Mengapakah Arnab kalah dalam perlumbaan itu?

(ii) Apakah sikap Kura-kura?

2. Main Peranan

Lakonkan semula perlumbaan antara Arnab dengan Kura-kura semula.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Cerita 1: Sang Kancill dengan Burung Tua yang Bijaksana

Aktiviti 1



Aktiviti 2

1. Tindakan Sang Kancil menyembunyikan buah dianggap melanggar amanah kerana Sang Kancil tidak mematuhi pesanan Burung Tua yang meminta supaya mengambil buah sekadar perlu sahaja. Perbuatan Sang Kancil ini menunjukkan sikap tamak dan tidak jujur kerana ingin mengambil sesuatu lebih daripada haknya.

2. Ya, Burung Tua bertindak dengan betulnya apabila dia menegur kesalahan Sang Kancil. Teguran tersebut penting untuk menyedarkan Sang Kancil tentang sikap tamaknya. Selain itu, tindakan Burung Tua membantu untuk mengekalkan keadilan supaya semua haiwan dapat menikmati buah tersebut.

3. Jika saya berada di tempat Sang Kancil, saya akan mengambil buah sekadar keperluan sahaja seperti yang dinasihatkan. Hal ini dikatakan demikian kerana kita perlu bersikap amanah dan tidak tamak supaya kepercayaan orang lain terhadap diri kita tidak terjejas. Selain itu, bersikap amanah dan tidak tamak ini membolehkan haiwan lain turut menikmati buah tersebut.


4. Jika Sang Kancil tidak meminta maaf, kemungkinan haiwan lain tidak akan mempercayai Sang Kancil lagi. Dia mungkin akan diabaikan oleh haiwan-haiwan yang lain dan hidup bersendirian. Selain itu, dia tidak akan belajar tentang kepentingan bersikap jujur dan amanah dalam kehidupan.

Aktiviti PAK-21

1. Kerusi Panas
   - **(i)** Kerana saya ingin menyimpan lebih banyak buah.
   - **(ii)** Saya perlu jujur dan tidak bersikap tamak.
   - **(iii)** Saya berasa malu dan menyesal.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

2. Peta I-Think



Cerita 2: Arnab dan Kura-kura yang Baik

Aktiviti 1

1. D **4.** B
2. A **5.** A
3. B **6.** D

Aktiviti 2

1. Sikap sombong Arnab menyumbang kekalahannya dalam perlumbaan kerana sikap sombong itu menyebabkan Arnab terlalu yakin dengan kebolehannya. Arnab merasakan dirinya pasti memenangi perlumbaan itu. Oleh itu, Arnab berehat di bawah pokok dan akhirnya tertidur. Akibatnya, Kura-kura berjaya memintasnya dan memenangi perlumbaan.

2. Pada pendapat saya, Kura-kura lebih bijak kerana Kura-kura tidak mudah terpengaruh dengan sikap sombong Arnab. Dia menggunakan strategi berjalan secara konsisten tanpa berhenti. Sikap sabar dan tekun itu telah membantu Kura-kura mencapai kemenangan.

3. Jika saya menjadi Arnab, saya akan terus berlari sehingga garisan penamat tanpa berhenti. Saya juga tidak akan memandang rendah terhadap kemampuan Kura-kura. Dengan fokus dan disiplin, saya dapat memastikan kemenangan.

4. Contoh situasi lain yang menunjukkan sikap sabar dan tekun seperti Kura-kura dalam kehidupan seharian ialah seorang murid yang tidak begitu pandai dalam pelajaran tetapi rajin mengulang kaji pada setiap hari. Walaupun mengambil masa yang lama untuk mengulang kaji pelajaran, namun dia akhirnya berjaya dalam peperiksaan. Situasi ini menunjukkan sikap sabar dan tekun seperti Kura-kura.

Aktiviti PAK-21

1. Fikir – Pasang – Kongsi
(i) Arnab kalah dalam perlumbaan itu kerana bersikap sombong dan tertidur.
(ii) Kura-kura bersikap sabar dan tekun.

2. Main Peranan
Terdapat dua watak (murid), iaitu seorang murid menunjukkan sikap sombong dan seorang lagi menunjukkan sikap tekun.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.